

Pendirian

Tun M

isu AP

tak berubah

BH-2/8/2005

PUTRAJAYA: Tun Dr Mahathir Mohamad tetap dengan pendiriannya bahawa Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz tidak memberitahu keseluruhan cerita sebenar berhubung isu permit import (AP) kereta pada hari terakhir Perhimpunan Agung Umno baru-baru ini.

Perkara ini diberitahu bekas Perdana Menteri itu dalam pertemuan dengan ahli Kelab Ahli Parlimen Barisan Nasional (BBC) diketuai Pengerusinya, Datuk Shahrir Samad di Yayasan Kepimpinan Perdana, di sini, petang semalam.

Timbalan Ketua Umno Bahagian Jasin yang juga Ahli Parlimen Jasin, Datuk Mohd Said Yusof yang turut serta dalam pertemuan itu berkata, Dr Mahathir mengulangi apa yang dinyatakan dalam kenyataan akhbar yang dikeluarkan Selasa lalu.

"Penafiannya adalah lebih kurang sama dengan kenyataan beliau sebelum ini. Dalam pertemuan itu, Dr Mahathir juga menjelaskan rasional pentingnya melindungi Proton sebagai kereta nasional.

"Dr Mahathir berpendapat bahawa kerajaan belum melakukan sesuatu yang cukup untuk melindungi Proton," katanya yang juga antara perwakilan Umno yang lantang menyuarakan isu AP ketika perhimpunan agung serta meminta Rafidah meminta maaf kepada Dr Mahathir.

Sementara itu, Rafidah terus mengelak daripada bertemu wartawan yang mahu beliau mengulas berhubung permit import (AP) kenderaan yang menjadi isu hangat sejak kebelakangan ini.

Rafidah yang dihampiri sekumpulan wartawan yang membuat liputan mesyuarat Majlis Penasihat Perniagaan Apec (Abac) 2005 kali di Kuala Lumpur, semalam, enggan membuat sebarang ulasan berhubung perkara berkenaan.

"Tidak ada apa.... tidak ada apa!, saya dah berikan anda teks ucapan," katanya ketika diminta mengulas isu berkenaan.

Terdahulu, sejeurus selepas menghabiskan ucapan perasmian dan bagi memulakan sesi dialog, Rafidah berkata: "Peserta boleh bertanya apa juga soalan... tapi bukan media," katanya yang disambut ketawa hadirin.

Mesyuarat itu yang berlangsung selama empat hari dihadiri oleh 63 peserta daripada 21 negara bagi membincangkan hala tuju dan peranan Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) pada masa depan.

Sementara itu, bekas Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Mohamed Rahmat berkata, Rafidah perlu terus menghormati Dr Mahathir meskipun beliau bukan lagi ketuanya.

"Waktu dia jadi 'boss', kita hormat... waktu dia tak jadi 'boss' pun, kerana dia sebagai orang tua kita mesti hormat," katanya kepada pemberita ketika ditemui di ruang legar Menara Datuk Onn, Kuala Lumpur semalam.